

Aplikasi Maqasid Syariah dalam Ibadah Bersuci dan Solat Bagi Anggota Sniper, Angkatan Tentera Malaysia

The Application of Maqasid Shariah in Ritual Purity and Prayer for Snipers in The Malaysian Armed Forces

Mohd Sukri Haji Yahya, Muhammad Nazir Alias^{*}, Muhaidi Hj. Mustaffa Al-Hafiz, Azlisham Abdul Aziz,
Mohamad Muntaha Hj Saleh
Research Centre for Sharia, Faculty of Islamic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

ABSTRAK

Anggota sniper yang merupakan penembak tepat untuk mencederakan atau membunuh musuh serta memusnahkan sesuatu sasaran. Maka sudah pasti mereka sentiasa berdepan dengan kesulitan melaksanakan ibadah harian khususnya solat. Tugasan mereka tidak mengizinkan mereka untuk melakukan pergerakan yang banyak dan jelas bagi mengelakkan kedudukan mereka diketahui oleh pihak musuh. Namun begitu, sebagai seorang Muslim, anggota sniper masih diwajibkan untuk melaksanakan ibadah seperti orang mukallaf yang lain. Justeru kajian ini dilakukan bagi tujuan menganalisis bentuk mashaqqah (kesulitan) anggota sniper serta kaedah pelaksanaan ibadah bersuci (tahārah) dan solat berasaskan rukhsah (keringanan) yang diberikan oleh syarak. Metode kajian ini adalah berbentuk kajian kualitatif yang menggunakan analisis tematik dengan menganalisis secara induktif nas-nas syarak dan huraian para sarjana berkaitan dengan kaedah mashaqqah dan maqasid syariah. Dapatan kajian menunjukkan terdapat cara khusus pelaksanaan ibadah berasaskan kepada rukhsah ketika menghadapi situasi sukar (mashaqqah) yang sesuai dilakukan oleh anggota sniper Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dalam bab bersuci dan joga solat.

KATA KUNCI

Ibadah, kesulitan, sniper, mashaqqah, rukhsah, maqasid syariah, bersuci, solat.

ABSTRACT

Snipers, who are precision marksmen tasked with injuring or killing enemies and destroying specific targets, inevitably face challenges in performing daily acts of worship, especially prayers. Their duty does not allow for excessive and conspicuous movements to avoid their location being discovered by the enemy. However, as Muslims, snipers are still obligated to perform acts of worship like any other mukallaf (individual accountable under Islamic law). This study was conducted to analyze the forms of hardship (mashaqqah) faced by snipers, and the methods of implementing rituals of purification (tahārah) and prayer based on rukhsah (exemptions) provided by sharia law. This study is qualitative in nature, utilizing thematic analysis to inductively examine sharia texts and scholars' explanations related to methods of handling mashaqqah and maqasid syariah (objectives of sharia law). The findings indicate there are specific ways to perform acts of worship based on rukhsah during challenging situations (mashaqqah) that are suitable for snipers in the Malaysian Armed Forces (ATM) with regard to purification and prayer.

KEYWORDS

Worship, Hardship, Sniper, Mashaqqah, Rukhsah, Maqasid Syariah, Purification, Prayer

Article History

Received: November 30, 2022

Revised: March 18, 2023

Accepted: April 4, 2023

Published: June 15, 2023

* Contact

Muhammad Nazir Alias
(Corresponding Author)
nazir@ukm.edu.my

Citation

Mohd Sukri Haji Yahya, Muhammad Nazir Alias, Muhaidi Hj. Mustaffa Al-Hafiz, Azlisham Abdul Aziz, Mohamad Muntaha Hj Saleh. 2023. Aplikasi Maqasid Syariah dalam Ibadah Bersuci dan Solat Bagi Anggota Sniper, Angkatan Tentera Malaysia. *Journal of Contemporary Islamic Law*. 8(1): 12-18.

Copyright

© 2023 by the author(s)



This work is licensed under a Creative Commons Attribution-NonCommercial 4.0 International License. (<https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/>)

PENDAHULUAN

Anggota tentera yang berwibawa serta kompetensi dalam memberikan perkhidmatan terhadap organisasi Angkatan Tentera Malaysia (ATM) seharusnya memiliki elemen kekuatan tempur yang efisien. Menurut Muhaidi (2022), mereka mestilah mengutamakan ciri-ciri *multi* dimensi seperti berdisiplin, ketepatan waktu, beretika dalam pelaksanaan tugas ketenteraan serta patuh kepada arahan dan direktif yang merupakan *Standard Operation Procedure* (SOP) dalam perkhidmatan tentera.

Menurut Kor Agama Angkatan Tentera (2020) memetik kata-kata Panglima Angkatan Tentera Malaysia iaitu Jeneral Tan Sri Dato' Sri Haji Affendi bin Buang TUDM yang mahukan semua peringkat ATM memberi penekanan serius berkaitan ibadah khususnya solat untuk memantapkan jati diri anggota mereka. Anggota tentera seharusnya mempunyai kekuatan fizikal dan kekuatan kerohanian (*spiritual*) (Mohamad Muntaha 2022; Tentera Darat 2008). Kerohanian yang kuat dapat digarap melalui pelaksanaan dan penghayatan ibadah khususnya ibadah solat. Berdasarkan Kor Agama Angkatan Tentera (2021) dalam perbincangan Sistem Pengurusan Strategik (SPS) Kor Agama Angkatan Tentera 2021 - 2025 menyatakan perkara tersirat dari PMAT 9/91 ialah menghendaki anggota tentera Muslim melaksanakan solat lima waktu secara berjemaah. Burhanuddin (2018) juga menyokong pernyataan tersebut bahawa kekuatan jati diri dan spiritual anggota tentera sangat berkait rapat dengan pelaksanaan ibadah khusus seperti solat. Justeru, menurut Azlisham (2022) dan Tentera Darat (2022), anggota ATM yang melaksanakan solat fardu secara konsisten ketika bertugas sama ada di kem tentera, ketika latihan atau operasi ketenteraan mampu menjana kekuatan spiritual dan semangat daya juang termasuklah anggota ATM yang bertugas sebagai *sniper*.

Dalam konteks ini, sebagai anggota tentera Muslim yang beriman, seorang anggota *sniper* turut diwajibkan untuk melaksanakan ibadah sebagai tanggungjawab kepada Allah tanpa terkecuali walaupun dalam apa keadaan kesulitan (*mashaqqah*) yang mereka hadapi sekalipun (Zulkifli 2013).

1. Definisi Sniper

Anggota tentera *sniper* (penembak tepat) ialah penembak jitu tentera yang menyerang sasaran dari kedudukan penyembunyian atau pada jarak yang melebihi keupayaan yang dapat dikesan oleh musuh. *Sniper* atau penembak tepat juga dipanggil "pemburu". Nama lain untuk *sniper* ialah *franc-tiréur*, *tiréur d'élite* dan *atirador de escol*. Menurut Tentera Darat (2022), *sniper* adalah seorang anggota penembak yang mempunyai kemahiran mencari maklumat dan sasaran tanpa dikesan serta dapat menembak sasaran terpilih dengan tepat untuk mencedera, memusnah atau membunuh. Anggota *sniper* secara amnya telah melalui suatu latihan

husus dan dilengkapi dengan senapang berketepatan tinggi dan optik pembesaran tinggi yang boleh menembak musuh dari jarak yang jauh. Biasanya anggota *sniper* juga diberi latihan tambahan tentang pelbagai teknik operasi khas iaitu teknik pengesanan, mengintai, kaedah anggaran jarak sasaran, penyamaran, pengesanan, semak belukar, penyusupan, peninjauan dan pemerhatian khas, pengawasan dan pemerolehan sasaran. *Sniper* juga mempunyai kemahiran yang tinggi dalam penyamaran dan penyesuaian kepada keadaan sekitar serta disiplin medan yang tinggi.

2. Peranan Sniper

Peranan atau tugas utama *sniper* adalah untuk memberikan tembakan yang tepat ke atas sasaran yang tidak dapat dilakukan oleh anggota tentera biasa disebabkan jarak, saiz dan kedudukan serta keadaan sasaran yang bergerak. Kesan daripada operasi ini akan melambatkan pergerakan musuh, menimbulkan ketakutan kepada musuh, menjatuhkan moral dan membuat kekeliruan di kalangan musuh. Anggota *sniper* juga berfungsi sebagai pemerhati yang akan menghantar maklumat taktikal ke pasukan atau markas pemerintahan mereka.

3. Konsep Maqasid Syariah

Maqasid syariah dirumuskan sebagai *mafhūm* dalil-dalil syarak secara *kullī* iaitu kefahaman yang menyeluruh bagi nas-nas syarak. Penggunaan *mafhūm* (maksud tersirat) bagi lafaz syarak dalam pembinaan hukum syarak adalah suatu yang diterima oleh ulama *uṣūl al-fiqh*. Menurut Abd. Halim (2014) dan Ahmad Faishol (2017), maqasid syariah bertujuan merealisasikan faedah kehidupan duniawi dan ukhrawi berasaskan *darūriyyah*, *hājiyyah* dan *tahsīniyyah*. Tidak semua permasalahan hukum mempunyai sandaran nas-nas wahyu secara langsung. Para ulama berbahas dan merangka kaedah bagi menyelesaikan permasalahan hukum dalam kalangan umat Islam setiap zaman. Berpegang kepada *maqasid syariah* juga bertujuan meleraikan masalah keterbatasan nas-nas syarak dalam menentukan hukum bagi permasalahan baharu. Menghilang kesusahan dan kesulitan adalah perkara penting bagi mencapai *maqasid syariah* berdasarkan dalil-dalil syarak (Muhammad Nazir 2021).

Prinsip *maqasid syariah* dibincangkan juga dalam kajian yang memetik apa yang disimpulkan oleh ʿAbd al-Wahhab Khallāf bahawa prinsip menghilangkan kesulitan merupakan asas pokok dan pertimbangan utama dalam pensyariatan ajaran Islam. Muhammad Nazir (2021) memetik tulisan Yūsuf Al-Qaradāwī (2008) bahawa pengabaian terhadap *maqasid syariah* bahkan hanya berpandukan zahir nas-nas wahyu, boleh menyebabkan seseorang itu menyalahi roh syariat serta kemaslahatan yang ingin direalisasikan oleh syarak itu sendiri.

Berasaskan *maqasid syariah*, menjaga agama adalah salah satu daripada *maqasid syariah*. Ibadah adalah suatu amalan yang dapat mendekatkan diri

kepada Allah SWT bagi menjaga agama seseorang Muslim. Bagi anggota tentera, penekanan aspek ibadah terutama solat dapat menjana iman yang kental dan menyuburkan semangat juang yang tinggi bagi persiapan ke arah mempertahankan kedaulatan negara. Dalam masa yang sama, anggota tentera diperintahkan agar menjaga keselamatan diri dan juga kerahsiaan kekuatan strategi agar tidak dieksploitasi oleh pihak musuh. Aspek menjaga nyawa daripada terdedah kepada ditembak musuh dengan mudah merupakan salah satu daripada tuntutan *maqasid syariah*. Larangan kepada anggota *sniper* membuat sebarang pergerakan yang jelas ketika berada di dalam kedudukan atau tempat persembunyiannya merupakan strategi penting dalam penugasan anggota *sniper* yang bertepatan dengan tuntutan *maqasid syariah*.

4. Konsep Mashaqqah

Mashaqqah dari segi bahasa bermakna kesulitan (Ahmad Faishol 2017; Eja Armaz 2018) atau kesukaran (Eja Armaz 2018; Dliyaul 2018) atau sesuatu yang membebani seseorang yang bertujuan sebagai alasan untuk dapat meninggalkan sesuatu (Dliyaul 2018). Menurut Abdul Syatar (2012), *mashaqqah* dari segi istilah ialah perkara yang mendatangkan kemudahan kepada mukalaf atas sebab-sebab tertentu sehingga disyariatkan keringanan tersebut (Yush Nawwir 2020; Ahmad Faishol 2017). *Mashaqqah* menurut ʿAlī (2003) adalah kesulitan yang wujud semasa melaksanakan taklif syarak.

Mashaqqah berbeza mengikut perbezaan ibadah (Muhammad Ramzi 1999). Ibadah yang sangat dititikberatkan oleh syarak hanya dapat diringankan dengan syarat wujudnya *mashaqqah* yang berat. Jika ibadah itu tidak dititikberatkan oleh syarak maka ia boleh diringankan dengan wujudnya *mashaqqah* yang ringan. *Mashaqqah* yang mengharuskan keringanan (rukhsah) iaitu *mashaqqah* yang bersifat di luar kebiasaan dan dapat membawa akibat buruk bagi pelakunya. Ini bererti *mashaqqah* itu melebihi daripada batasan atau had yang biasa yang menyebabkan seseorang mukalaf itu tidak dapat berterusan untuk beramal. Kesulitan biasa yang umumnya terdapat pada tugas atau kewajipan seperti kesulitan biasa juga seperti sedikit keletihan kerana berpuasa ianya tidak termasuk dalam *mashaqqah* yang mengharuskan rukhsah (keringanan) (ʿAlī 2003 & Ahmad Faishol 2017). Jika keletihan atau kelaparan yang melampau dibolehkan terbuka bagi mengelakkan mudarat pada badan atau nyawa. Kaedah *fiqh* menyatakan الصَّرُورَةُ تُبَيِّمُ الْمُحْتَظَرَاتِ iaitu keadaan-keadaan darurat mengharuskan perkara yang terlarang. Menurut ʿAlī Abu (2008), kaedah ini menyatakan keharusan seseorang mukalaf yang melakukan sesuatu yang diharamkan kerana terdesak seperti diharuskan memakan bangkai kerana tersangat lapar dan terdedah kepada bahaya kematian.

Seterusnya yang kedua ialah *mashaqqah* yang ringan yang tidak membawa kepada keringanan (rukhsah) seperti kesakitan yang sedikit pada jari atau sakit kepala. *Mashaqqah* jenis ini tidak mempunyai apa-apa kesan dan tidak diambil kira bagi meringankan sesuatu ibadat atau menggugurkannya. Ini kerana ibadat lebih penting dan lebih utama dilakukan daripada menghindarkan *mashaqqah* ringan yang kebiasaannya tidak menjejaskan pelaku ibadat (ʿAlī 2003 & Muhammad Ramzi 1999).

Ketiga ialah *mashaqqah* pertengahan di antara dua jenis *mashaqqah* yang telah dinyatakan. *Mashaqqah* ini perlu diteliti iaitu jika ia cenderung kepada *mashaqqah* jenis yang pertama maka rukhsah diwajibkan. Namun jika ia cenderung kepada jenis *mashaqqah* yang kedua maka tidak ada keringanan atau rukhsah diberikan (ʿAlī 2003 & Muhammad Ramzi 1999).

Walaupun begitu, *mashaqqah* adalah suatu yang tidak mempunyai persamaan antara setiap individu atau keadaan. Sebagai contoh seorang yang bermusafir menaiki motosikal dan kapal terbang. Keduanya menghadapi tahap kesulitan yang berbeza tetapi syarak tidak mengambil kira perbezaan berkenaan dengan memberikan rukhsah kepada kedua-dua mereka untuk membolehkan mereka qasar solat dan berbuka puasa. Ini kerana *safar* itu sendiri dianggap sebagai satu *mashaqqah* disebabkan ia bukan keadaan biasa bagi seseorang. Oleh itu, secara umumnya, keadaan luar biasa yang dihadapi oleh seseorang akan membolehkan dia mendapat rukhsah daripada syarak.

Muhammad Ramzi (1999) dalam kajiannya menerangkan terdapat kesulitan dalam pelaksanaan ibadah bagi anggota tentera. Menurut Tentera Darat (2022) anggota *sniper* yang berada di tempat persembunyian membuat penyamaran (*camouflage*) dalam kedudukan untuk membunuh atau mencederakan musuh, dia tidak boleh melakukan sebarang pergerakan yang jelas untuk tempoh yang tertentu seperti yang diarahkan kepadanya atau tempoh tertentu pada perkiraannya bagi mengelakkan dia daripada terdedah kepada pengetahuan dan tembakan pihak musuh. Oleh itu, anggota *sniper* sukar untuk melaksanakan ibadah bersuci dan solat sewaktu di kawasan operasi. Sehubungan itu, tujuan kajian ini dilakukan ialah untuk menganalisis kedudukan *mashaqqah* (kesulitan) anggota *sniper* serta kaedah pelaksanaan ibadah bersuci (*tahārah*) dan solat berasaskan rukhsah (keringanan) yang diberikan oleh syarak. Kajian ini dijangka akan dapat membantu pihak ATM dalam menentukan format pelaksanaan ibadah ketika berada dalam kesulitan oleh anggota *sniper* ATM.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini adalah berbentuk kualitatif yang menggunakan analisis tematik dengan menganalisis secara induktif nas-nas syarak dan pandangan-pandangan sarjana tentang kaedah Islam dengan

memfokuskan pengaplikasian maqasid syariah bagi penyelesaian *mashaqqah* untuk melaksanakan ibadah bersuci dan solat. Bagi mendapatkan maklumat yang diperlukan untuk melengkapkan kajian ini, metode analisis kandungan diguna pakai. Analisis kandungan adalah kaedah penyelidikan untuk menginterpretasi subjektif kandungan data yang berbentuk teks melalui proses pengelasan sistematik, pengekodan dan mengenal pasti tema atau coraknya (Hsieh & Shannon 2005).

Pelbagai rujukan terdiri daripada kitab rujukan klasik beberapa aliran mazhab *fiqh*, buku kontemporari, artikel, jurnal, tesis dan kertas kerja berkaitan perbincangan *maqasid syariah*, kaedah *fiqh*, *mashaqqah* dan rukhsah dihimpunkan bagi mendapatkan gambaran yang jelas terhadap permasalahan yang menjadi tajuk kajian ini. Melalui metode ini, perbezaan pandangan antara sarjana klasik dan kontemporari serta asas perbezaan tersebut dapat dikenal pasti dengan jelas bagi merumuskan kaedah melaksanakan ibadah solat bagi anggota tentera *sniper* ketika bertugas.

PERBINCANGAN

Bagi mencapai objektif kajian ini, maqasid syariah yang bertujuan untuk mengelakkan kesusahan dan kemudaran kepada nyawa manusia dijadikan sebagai asas. Ini kerana tugas anggota *sniper* biasanya mempunyai risiko tinggi terhadap kehilangan nyawa. Oleh itu, pelaksanaan ibadah oleh anggota *sniper* mestilah tidak terkeluar daripada tujuan tersebut.

1. Penilaian *Mashaqqah* Anggota *Sniper* Berasaskan Maqasid Syariah

Pengaplikasian maqasid syariah berkait rapat dengan tahap *mashaqqah* yang dihadapi oleh anggota *sniper*. Ini disebabkan tahap *mashaqqah* yang berlaku ke atas anggota *sniper* secara langsung memberi kesan kepada keharusan rukhsah dalam ibadah. Justeru perbincangan akan menggunakan konsep *mashaqqah* sebagai asas penting bagi mengharuskan rukhsah bagi anggota *sniper*.

Dalam konteks *mashaqqah* bagi anggota *sniper*, ia dinilai mengikut keadaan penugasan anggota *sniper*. Pelaksanaan ibadah ketika aman dan tidak menghadapi apa-apa *mashaqqah* (kesulitan) mestilah mengikut prosedur atau kaedah beribadah seperti biasa mengikut hukum asalnya iaitu secara *‘azimah* (Tentera Darat 2009; Anisah 2008). Menurut ‘Alī Abū (2008) *‘azimah* ialah melaksanakan suatu perintah syarak seumpama ibadah tanpa ada kelonggaran atau keringanan tetapi berdasarkan hukumnya yang asal. Oleh itu, anggota *sniper* yang bertugas dengan aktiviti biasa atau rutin harian di kem tentera atau di mana-mana sahaja termasuk ketika latihan dan operasi, jika tidak berhadapan dengan sebarang *mashaqqah* untuk beribadah, mereka mestilah melaksanakannya secara *‘azimah*. Hal ini demikian kerana kemudahan rukhsah hanya

diharuskan ketika berhadapan dengan *mashaqqah*. *Mashaqqah* yang mengharuskan rukhsah pada anggota *sniper* pula mesti dinilai atau diukur tahap darurat mengikut kadar yang ada pada penilaiannya ketika berhadapan dengan sesuatu *mashaqqah* berdasarkan kaedah *fiqh* *الضَّرُورَةُ تُقَدَّرُ بِقَدَرِهَا* iaitu keadaan-keadaan darurat perlu ditentukan mengikut kadarnya. Berdasarkan kaedah ini, sesuatu yang diharuskan untuk dilakukan oleh anggota *sniper* disebabkan darurat maka pelaksanaannya ialah dengan kadar yang mencukupi untuk menghilangkan darurat sahaja dan tidak diharuskan lebih daripada keperluan atau kadar untuk menghilangkan darurat berkenaan. Berdasarkan kaedah *مَا جَارَ لِعُدْرٍ بَطَلَ بَرَوَالِهِ* iaitu apa yang menjadi keharusan disebabkan suatu keuzuran maka ia akan terbatal apabila hilang keuzuran tersebut. Kaedah ini bermaksud sesuatu keuzuran yang mengharuskan seseorang memperoleh rukhsah, maka tiada lagi rukhsah dengan hilangnya keuzuran berkenaan dan taklif syarak itu kembali kepada asalnya.

Berasaskan kepada kajian, pakaian penyamaran anggota *sniper* (*camouflage*) meliputi hampir keseluruhan badannya tidak boleh membuat pergerakan yang jelas berhadapan dengan kesulitan untuk berwuduk dan solat seperti pergerakan solat biasa ketika berada di dalam kedudukan di tempat persembunyiannya untuk membunuh musuh. Mereka mesti berada dalam kedudukan mengikut prosedur tempur atau kesesuaian keadaan taktikal yang perlu dilakukan. Pemerhatian yang dilakukan memerlukan mereka berada dalam keadaan berdiri, duduk dan meniarap kerana anggota *sniper* tidak boleh melakukan pergerakan yang jelas. Sebarang pergerakan yang jelas akan menyebabkan musuh dapat mengetahui kewujudan dan lokasi persembunyian anggota *sniper*. Berdasarkan maqasid syariah, nyawa seseorang perlu diutamakan dan perlu dielakkan daripada dibunuh oleh musuh. Pengetahuan musuh terhadap kedudukan anggota *sniper* hanya akan menyebabkan nyawanya terancam dan misi yang dilaksanakan gagal. Sekiranya anggota *sniper* melakukan pergerakan yang jelas dengan mengambil wuduk atau solat seperti pergerakan biasa, maka dikhuatiri dia akan dilihat dan ditembak oleh pihak musuh. Syariat Islam membenarkan seseorang mukalaf mengambil rukhsah ketika bimbang bahaya menimpa ke atas dirinya dan melarang seseorang meletakkan diri dalam keadaan bahaya sekalipun dengan tujuan beribadah. Firman Allah SWT dalam al-Quran (al-Baqarah 2:195):

وَلَا تُلْقُوا بِأَيْدِيكُمْ إِلَى التَّهْلُكَةِ

Maksudnya: Dan janganlah kamu sengaja mencampakkan diri kamu ke dalam bahaya kebinaasaan.

Keharusan bertayamum bagi menggantikan wuduk bertepatan dengan kaedah *fiqh*: *المَشَقَّةُ تَجَلِبُ: التَّيْسِيرُ* yang bermaksud kesulitan merupakan sebab mendapat kemudahan (*tashīl*). Keluasan adalah

dituntut apabila berada dalam kesempitan. Kesempitan atau kesulitan dalam konteks anggota *sniper* ialah tidak boleh membuat pergerakan yang jelas seperti pergerakan untuk mendapatkan air di sekitarnya untuk berwuduk. Kaedah *fiqh*: الْأَمْرُ إِذَا ضَاقَ الْأَمْرُ إِذَا ضَاقَ أَنْتَمَ yang bermaksud apabila berlaku kesempitan atau *mashaqqah* pada sesuatu perkara atau perbuatan, maka wajib dipermudahkan (*rukhsah*) atau dilapangkan bagi menghilangkan kesulitan. Oleh itu, pada ketika berhadapan dengan *mashaqqah* (kesulitan) yang mempunyai risiko kehilangan nyawa ketika bertugas sama ada ketika latihan atau operasi sebenar, anggota *sniper* boleh melaksanakan ibadah secara rukhsah (keringanan) bagi mengelakkan mereka menanggung risiko kehilangan nyawa akibat ditembak, kecederaan parah, menjadi tawanan musuh, terbongkar rahsia operasional dan strategi peperangan.

2. Rukhsah Bersuci dan Solat Anggota Sniper

Rukhsah ialah keringanan yang diberikan dalam keadaan terdesak (*darūrah*), kepayahan (*mashaqqah*) atau keperluan (*hājah*) (Anisah 2008). Rukhsah adalah suatu yang bertentangan dengan *‘azimah*. Rukhsah adalah kemudahan apabila berdepan dengan *mashaqqah* kerana Islam sebagai agama yang tidak membiarkan seseorang merasa sukar dan sempit dalam menjalani perintah dan tuntutan Allah SWT maka mesti ada penyelesaian bagi menghilangkan kesulitan (*raf‘u al-ḥarāj*) (Ahmad Faishol 2017). Ini berdasarkan firman Allah dalam al-Quran (al-Hajj 22:78):

وَمَا جَعَلَ عَلَيْكُمْ فِي الدِّينِ مِنْ حَرَجٍ

Maksudnya: Dia sekali-kali tidak menjadikan untuk kamu dalam agama suatu kesempitan.

Ayat di atas menunjukkan bahawa hal-hal yang menjadikan kesulitan untuk melakukannya maka Allah akan memberikan kemudahan atau penyelesaian seperti dalam keadaan darurat atau terpaksa maka dibolehkan meng*qasar* atau memendekkan solat, bertayamum, memakan bangkai, dan berbuka puasa bagi orang yang sedang sakit dan bagi yang sedang melakukan perjalanan.

Rukhsah solat merupakan keringanan yang diberikan agar ibadah solat khususnya dapat dilakukan dalam apa jua keadaan sekalipun sama ada yang sakit, orang yang sibuk dan orang yang berkenderaan, solat musafir (*qasar*) dan menjamak antara dua solat, rukhsah dalam melaksanakan solat Jumaat, solat *khauf* dan rukhsah dalam melaksanakan solat sunat (‘Alī 2003).

Berasaskan kepada pemahaman terhadap maqasid syariah dan kaedah-kaedah *fiqh* berkaitan dengan kesulitan (*mashaqqah*) yang dihadapi oleh anggota *sniper* seperti yang diterangkan di atas, maka dapat dirumuskan bahawa cara atau kaedah bersuci dan solat anggota *sniper* adalah seperti berikut:

(i) Bersuci (*Taharah*)

Kewajipan bersuci bagi menunaikan solat adalah berdasarkan firman Allah SWT dalam Surah Al-Maidah ayat 6. Anggota *sniper* yang sedang dalam perjalanan ketika penyusupan untuk sampai ke tempat persembunyiannya sama ada secara berpasukan atau individu atau berada di tempat yang sesuai untuk membidik sasarannya tanpa diketahui oleh pihak musuh secara praktikalnya hendaklah berwuduk dan menyapu *khuf* untuk menunaikan solat. Pelaksanaan kaedah menyapu *khuf* ialah sapuan bahagian sebelah atas kasut but tentera yang telah dipakai ketika dalam keadaan masih berwuduk atau suci daripada hadas. Namun begitu, apabila terdapat kesulitan untuk bersuci ketika berada dalam kedudukan strategiknya, anggota *sniper* diharuskan bertayamum. Secara amnya, kaedah tayamum adalah berdasarkan firman Allah SWT dalam al-Quran (Al-Maidah 5:6):

فَتَيَمَّمُوا صَعِيدًا طَيِّبًا فَامْسَحُوا بِوُجُوهِكُمْ وَأَيْدِيكُمْ مِنْهُ

Maksudnya: Maka hendaklah kamu bertayamum dengan tanah - debu yang bersih, iaitu sapulah muka kamu dan kedua belah tangan kamu dengan tanah - debu itu.

Tayamum dibenarkan ketika anggota *sniper* berdepan dengan keadaan darurat disebabkan dia tidak boleh membuat pergerakan yang jelas seumpama berwuduk kerana bimbang pergerakan sedemikian dapat dilihat oleh musuh, walaupun terdapat bersamanya atau di sekitarnya ada air yang boleh digunakan untuk berwuduk (Tentera Darat 2022). Keharusan bertayamum ini bukan kerana ketiadaan air tetapi disebabkan oleh situasi darurat kerana pergerakan mereka secara jelas akan membahayakan diri mereka.

Berdasarkan Mazhab Syafie, bahan untuk tayamum ialah tanah atau debu tanah. Namun begitu, jika anggota *sniper* yang berada di dalam kedudukan yang tidak membenarkan pergerakan yang jelas dan berhadapan dengan kesulitan mendapatkan tanah atau debu tanah untuk bertayamum, maka dia boleh menggunakan dengan apa sahaja yang ada berdekatan badannya seperti batu, kayu dan daun kering menurut pendapat Mazhab Hanafi dan Maliki. *Talfiq* mazhab seumpama ini diharuskan sebagaimana pandangan sebahagian ulama *fiqh*. Oleh itu, apabila berdepan dengan *mashaqqah* yang menghalang anggota *sniper* beribadah secara rukhsah menurut pandangan mazhab, maka dari segi keutamaannya ialah mereka boleh mendahulukan apa-apa pandangan ulama lain atau mazhab lain bagi membolehkan mereka menunaikan ibadah secara rukhsah.

Perbincangan di atas difokuskan kepada keadaan anggota *sniper* di dalam operasi sebenar. Bagi situasi anggota *sniper* yang sedang menjalani latihan pula, jika latihan yang dijalankan itu memerlukan anggota *sniper* berada dalam kedudukan seakan-akan dia sedang menghadapi situasi sebenar ketika berperang, maka dia boleh bertayamum (Tentera Darat 2022). Ini

berdasarkan keperluan dan *masalah* latihan yang mesti dilaksanakan sebaik mungkin untuk memberi pengalaman dan kemahiran kepada anggota *sniper* sebagai persiapan bagi menempoh situasi dan cabaran dalam peperangan yang sebenar. Namun jika latihan yang dilaksanakan ada ruang untuk anggota *sniper* bertenang atau berehat, maka ibadah bersuci anggota *sniper* ialah secara *‘azimah* iaitu berwuduk secara sempurna semua basuhan atau berwuduk dengan kaedah menyapu *khuf* bagi menggantikan basuhan kedua kaki.

(ii) Solat

Solat merupakan ibadah utama yang wajib dilaksanakan oleh setiap muslim kerana ia merupakan pengikat hubungan seseorang dengan penciptanya iaitu Allah SWT. Ibadah solat mampu melahirkan insan yang beriman, bertaqwa, mempunyai keperibadian yang tinggi, bersikap kental dan tabah dalam menghadapi pelbagai cabaran dan dugaan dalam kehidupan (Kor Agama Angkatan Tentera 2020). Tiada alasan untuk meninggalkan solat tanpa uzur yang dibenarkan syarak. Solat boleh dilakukan dalam keadaan selain dari berdiri jika terdapat kesulitan lebih-lebih lagi jika berada dalam keadaan perang.

Sewaktu perjalanan dan penyusupan ke kawasan operasi, anggota *sniper* boleh melaksanakan ibadah solat secara *jamak* dan *qasar* walaupun jarak tersebut kurang dari dua marhalah (85 km). Jika terlibat dalam operasi yang amat sukar, solat bagi anggota *sniper* sepanjang perjalanan ialah solat *khauf*. Setelah sampai di kawasan yang telah ditetapkan, anggota *sniper* boleh mengambil kedudukan iaitu tempat persembunyiannya mengikut prosedur tempur atau kesesuaian keadaan taktikal yang perlu dilakukan sama ada pemerhatian dilaksanakan dalam keadaan berdiri, duduk dan meniarap. Keharusan solat secara *jamak* dan *qasar* berdasarkan adalah berdasarkan kepada firman Allah SWT dalam al-Quran (An-Nisaa' 4:101):

وَإِذَا ضَرَبْتُمْ فِي الْأَرْضِ فَلَيْسَ عَلَيْكُمْ جُنَاحٌ أَنْ تَقْصُرُوا مِنَ الصَّلَاةِ إِنْ خِفْتُمْ أَنْ يَفْتِنَكُمُ الَّذِينَ كَفَرُوا إِنَّ الْكَافِرِينَ كَانُوا لَكُمْ عَدُوًّا مُّبِينًا

Maksudnya: Dan apabila kamu musafir di muka bumi, maka kamu tidaklah berdosa "mengqasarkan" (memendekkan) sembahyang jika kamu takut diserang oleh orang-orang kafir. Sesungguhnya orang-orang kafir itu adalah musuh yang amat nyata bagi kamu.

Menurut Tentera Darat (2022), anggota *sniper* boleh melaksanakan solat secara berdiri jika mereka perlu untuk melakukan operasi dalam keadaan tersebut. Kaedah untuk melakukan solat tersebut adalah seperti berikut:

- a) Memulakan solat dalam keadaan berdiri.
- b) Niat ketika mengangkat *takbiratul ihram* dan membaca surah al-Fatihah.
- c) Rukuk dalam keadaan berdiri iaitu menundukkan sedikit sahaja kepala sambil mata masih mampu

melihat sasaran (*target*). Ini bagi mengelakkan berlaku pergerakan yang banyak sehingga boleh menarik perhatian musuh selain dari sentiasa dapat mengawasi musuh pada setiap masa.

- d) Iktidal dengan hanya mengangkat kepala kepada keadaan biasa.
- e) Sujud dalam keadaan berdiri iaitu menundukkan sedikit sahaja kepala melebihi dari tunduk semasa rukuk sambil mata masih mampu melihat sasaran. Sujud sebegini adalah bertujuan untuk memastikan musuh sentiasa dalam pemerhatian anggota *sniper* selain dari mengelakkan berlakunya pergerakan yang banyak.
- f) Duduk antara dua sujud dan tahiyat dalam keadaan berdiri dan keadaan kepala diangkat seperti biasa. Keadaan ini adalah seperti orang yang mempunyai sakit yang menjejaskan kesihatan atau nyawa sehingga tidak dapat untuk duduk. Bagi anggota *sniper*, pergerakan yang banyak sudah pasti akan menyebabkan nyawanya berada dalam risiko bahaya yang tinggi.
- g) Memberi salam dalam keadaan berdiri iaitu memalingkan sedikit sahaja kepala dalam masa yang sama mata masih mampu melihat sasaran.

Anggota *sniper* juga boleh melaksanakan solat dalam keadaan duduk sama ada secara mencangkung, bersila, bersimpuh atau kedua kaki dilipat ke hadapan jika keadaan memerlukan ketika operasi mengikut tertib seperti berikut:

- a) Memulakan solat dalam keadaan duduk dengan mengangkat *takbiratul ihram* beserta niat. Keadaan ini adalah sama seperti orang yang sakit yang boleh menyebabkan kemudaratan yang lebih besar jika berdiri. Bagi anggota *sniper*, risiko nyawa terancam dan operasi terbongkar adalah lebih besar mudaratnya.
- b) Niat ketika mengangkat *takbiratul ihram* dan membaca surah al-Fatihah.
- c) Rukuk dalam keadaan duduk iaitu menundukkan sedikit sahaja kepala sambil mata masih mampu melihat sasaran.
- d) Iktidal dengan hanya mengangkat kepala kepada keadaan biasa.
- e) Sujud dalam keadaan duduk iaitu menundukkan sedikit sahaja kepala melebihi dari tunduk semasa rukuk sambil mata masih mampu melihat sasaran.
- f) Duduk antara dua sujud dan tahiyat dalam keadaan duduk dan keadaan kepala diangkat seperti biasa.
- g) Memberi salam dalam keadaan duduk iaitu memalingkan sedikit sahaja kepala dalam masa yang sama mata masih mampu melihat sasaran.

Selain itu, solat dalam keadaan meniarap juga diharuskan bagi anggota *sniper* yang terpaksa melakukan operasi dalam keadaan tersebut. Caranya adalah seperti berikut:

Melaksanakan semua rukun secara meniarap sambil kepala memandang sasaran sehingga selesai solat.

- a) Memulakan solat dalam keadaan meniarap dengan mengangkat *takbiratul ihram* beserta

niat bagi mengelakkan musuh mengesan pergerakan.

- b) Membaca surah al-Fatihah.
- c) Rukuk dalam keadaan meniarap iaitu menundukkan sedikit sahaja kepala sambil mata masih mampu melihat sasaran bagi mengawasi musuh pada setiap masa.
- d) Iktidal dengan hanya mengangkat kepala kepada keadaan biasa.
- e) Sujud dalam keadaan meniarap iaitu menundukkan sedikit sahaja kepala sambil mata masih mampu melihat sasaran.
- f) Duduk antara dua sujud dan tahiyat dalam keadaan meniarap dan keadaan kepala diangkat seperti biasa.
- g) Memberi salam dalam keadaan meniarap iaitu memalingkan sedikit sahaja kepala dalam masa yang sama mata masih mampu melihat sasaran.

3. Beberapa Kelonggaran Dalam Pelaksanaan Ibadah Solat Anggota Sniper

Menurut Tentera Darat (2022; 2009), terdapat beberapa kelonggaran diberikan bagi anggota *sniper* yang berada dalam kedudukan atau tempat persembunyiannya. Antaranya ialah:

(i) Penentuan arah kiblat: Anggota *sniper* perlu mengadap kiblat ketika mengangkat takbir sahaja sekiranya keadaan tidak membenarkan untuk mengubah pandangan daripada sasaran (*target*). Perintah mengadap kiblat ketika solat adalah berdasarkan firman Allah SWT (al-Quran, al-Baqarah 2:144):

قَوْلَ وَجْهَكَ شَطْرَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ وَحَيْثُ مَا كُنْتُمْ
فَوَلُّوا وُجُوهَكُمْ شَطْرَهُ

Maksudnya: Oleh itu palingkanlah mukamu ke arah Masjid Al-Haram (tempat letaknya Kaabah); dan di mana sahaja kamu berada maka hadapkanlah muka kamu ke arahnya.

Perintah mengadap kiblat ketika solat juga berdasarkan hadis dari Abi Hurairah RA berkata: Rasulullah SAW bersabda: "Apabila kamu berdiri untuk solat, berwuduk dengan sempurna, kemudian menghadap kiblat dan bertakbir" (HR Bukhari dan Muslim).

Berdasarkan hadis di atas, sebelum bertakbir seseorang yang ingin menunaikan solat mestilah mengadap ke arah kiblat kerana ianya adalah syarat sah solat. Oleh itu, anggota *sniper* mestilah mengadap arah kiblat jika keadaan membolehkan dia mengadap ke arah kiblat seumpama posisi dalam tempat persembunyiannya atau kedudukannya memang memudahkan dia terus mengadap ke arah kiblat bermula dari *takbiratul ihram* hingga selesai solat. Namun, jika keadaan yang tidak membolehkan untuk anggota *sniper* mengubah arah atau pandangan mereka, maka mereka perlu mengadap kiblat hanya ketika *takbiratul ihram* kemudian boleh berpaling ke arah kemungkinan besar adalah sasaran musuh. Perubahan arah kiblat ini merupakan suatu ketetapan

atas perkiraan anggota *sniper* atau arahan kepada anggota *sniper* demi menjaga kekuatan strategi dan keberkesanan tugasnya iaitu sentiasa memantau untuk menembak dalam keadaan tertentu atau genting. Maka dalam keadaan demikian, anggota *sniper* hanya membuat apa yang termampu dilaksanakan iaitu menghadap arah kiblat pada ketika *takbiratul ihram* sahaja kerana ianya mampu dilakukan disebabkan masa untuk beralih pandangan daripada memandangi sasaran kepada berpaling ke arah kiblat dan memandangi sasaran semula selepas *takbiratul ihram* adalah singkat sahaja.

(ii) Tempat solat: Dalam medan peperangan anggota *sniper* boleh memilih di mana sahaja untuk melaksanakan solat asalkan tidak ada sebarang najis di tempat dilaksanakan solat. Anggota *sniper* boleh mendirikan solat di mana sahaja di atas tanah atau rumput di permukaan bumi kerana mana-mana permukaan tanah atau rumput di bumi adalah bersih sebagai tempat solat. Ini berdasarkan hadis Nabi SAW:

وَجُعِلَتْ لِي الْأَرْضُ مَسْجِدًا وَظَهْرًا

Maksudnya: Dijadikan untuk aku bumi sebagai tempat sujud dan tanahnya untuk bersuci.

Anggota *sniper* tidak boleh mendirikan solat sekiranya dia berada di atas kuburan atau tandas kerana terdapat larangan perkara sedemikian di dalam hadis Nabi SAW sebagaimana hadis yang diriwayatkan oleh Abu Sa'id Al-Khudri RA:

الْأَرْضُ كُلُّهَا مَسْجِدٌ إِلَّا الْمُقْبِرَةَ وَالْحَمَامَ

Maksudnya: Bumi seluruhnya adalah masjid (tempat untuk sujud) melainkan perkuburan dan tandas (Riwayat al-Tirmizi-317).

Namun begitu, jika keadaan tidak mengizinkan anggota *sniper* untuk beralih ke tempat lain, dia bolehlah bersolat di tempat tersebut bagi mengelakkan nyawanya terancam.

(iii) Pakaian untuk bersolat: Anggota *sniper* boleh memakai apa sahaja pakaian penyamaran (*camouflage*) untuk bersolat asalkan menutup aurat. Jika tidak dapat menutup aurat setelah berusaha menutupnya dengan pelbagai cara, maka anggota tersebut boleh bersolat tanpa berpakaian lengkap menutup aurat. Pakaian anggota *sniper* yang terkena najis adalah dimaafkan sama ada sedikit seperti darah nyamuk, kutu dan seumpamanya atau najis yang banyak apabila mengalami kecederaan sehingga berlumuran darah dan lain-lain lagi. Hal ini demikian kerana anggota *sniper* yang tidak dapat mengelakkan pakaiannya daripada terkena najis sama ada sedikit ataupun banyak ketika anggota *sniper* yang berpakaian penyamaran berada di dalam kedudukan, tentunya tidak dapat menukar pakaian yang lain jika

terkena najis. Keadaan ini dianggap darurat dan anggota berkenaan adalah dibolehkan melaksanakan solat meskipun dengan pakaian yang bernajis berdasarkan kaedah *fiqh* الصَّرْوَرَةُ تُبَيِّحُ الْمُحْتَطَرَاتِ iaitu keadaan-keadaan darurat mengharuskan perkara yang terlarang.

KESIMPULAN

Secara umumnya, syariah Islam tidak membebankan seseorang untuk melakukan ibadah dalam keadaan yang boleh menyebabkan kemudaratan kepada diri seseorang itu. Anggota *sniper* merupakan anggota yang menghadapi risiko kehilangan nyawa dan risiko kegagalan operasi yang tinggi ketika melaksanakan tugas. Pada ketika kesulitan menjalankan tugas di medan, anggota *sniper* boleh melaksanakan rukhsah dalam ibadah solat iaitu secara berdiri, duduk atau meniarap bergantung kepada situasi yang mereka hadapi. Selain itu, mereka diberikan kelonggaran untuk bertayamum, tidak menghadap kiblat dan solat dalam pakaian yang terkena najis jika keadaan memerlukan. Asas keringanan untuk beribadah adalah disebabkan ada kesulitan yang menjadi keutamaan dan tujuan syarak untuk mengelakkanya. Oleh itu, jika dalam keadaan biasa iaitu ketika melaksanakan tugas rutin harian di kem tentera, anggota *sniper* biasanya tidak berhadapan dengan sebarang kesulitan maka ibadah anggota *sniper* ialah secara *‘azimah* iaitu mengikut aturan berdasarkan hukum yang asal bukan secara rukhsah seperti yang telah dibincangkan.

RUJUKAN

- Al-Quran*.
- Abd. Halim K. 2014. Maqāsid al-sharī‘ah: li imtisal wa ikhrāji al-mukallaf an ittibā‘i al- hawa. *Jurnal Diktum*, 12(2):131-136.
- Abdul Syatar. 2012. Konsep mashaqqah perspektif hukum Islam (implementasi terhadap isu fikih kontemporer). Tesis Program Pascasarjana. UIN Alauddin Makassar.
- Ahmad Faishol. 2017. Penerapan raf‘u al-ḥaraj: studi analisis salat jamak fi al-hadar li al-hajah. *Jurnal Tafaquh*, 5(1): 55-82.
- ‘Alī, Abū Al-Basal. 2003. *Ar-Rukhas Fi al-Solāh*. Amman: Dar Al-Nafāis.
- Al-Qaradāwī, Yūsuf. 2008. *Dirāsah Fī Fiqh Maqāsid al-Sharī‘ah: Bayna al-Maqāsid al-Kuliyyah Wa al-Nuṣūṣ al-Juz‘iyyah*. Cairo: Dār al-Shurūq.
- Anisah Ghani. 2008. Pandangan madhhab fiqh dalam kes batal wuduk apabila bersentuh antara lelaki dan wanita bukan mahram semasa tawaf: satu analisis. *Jurnal Syariah*, 16(2): 89-98.
- Azlisham Abdul Aziz. 2022. Pembangunan instrumen penilaian kerohanian ketenteraan Malaysia (INPERO). Tesis Doktor Falsafah. Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA, Shah Alam.
- Burhanuddin Jalal. 2018. *Dakwah Askari di Malaysia*. Penerbit USIM. Universiti Sains Islam Malaysia.
- Dliyauf Muflih. 2018. Al-mashaqqah tajlib al-taysir-makna dan implikasinya dalam pengembangan ekonomi Islam. *Jurnal Ekonomi Syariah*, 3(1): 11-21.
- Eja Armaz Hardi. 2018. Kaedah al-mashaqqah tajlibu at-taysir dalam Ekonomi Islam. *Jurnal Nizham*, 6(2): 100-110.
- Hsieh, Hsiu Fang & Shannon, Sarah E. 2005. Three approaches to qualitative content analysis. *Qualitative Health Research*, 15 (9): 1277–1288.
- Kor Agama Angkatan Tentera (KAGAT). 2020. *ATM Bersolat Pembina Kerukunan Berorganisasi*. Kuala Lumpur: Markas Angkatan Tentera Malaysia.
- Kor Agama Angkatan Tentera (KAGAT). 2021. *Sistem Pengurusan Strategik (SPS) Kor Agama Angkatan Tentera 2021 – 2025*. Kuala Lumpur: Markas Angkatan Tentera Malaysia.
- Mohamad Muntaha Hj Saleh. 2022. Hubungan program kerohanian terhadap sikap, prestasi kerja dan kepuasan kerja di kalangan anggota LLP ATM. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Pertahanan Nasional Malaysia.
- Muhaidi bin Hj. Mustaffa Al-Hafiz. 2022. Pengaruh penghayatan program pembudayaan al-Quran terhadap kekuatan spiritual anggota angkatan tentera malaysia. Tesis Doktor Falsafah Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Skudai, Johor Bharu.
- Muhammad Nazir Alias. 2021. Parameter penentuan hukum syarak berasaskan maqāsid al shari‘ah dan aplikasinya dalam isu semasa. Tesis Doktor Falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Muhammad Ramzi Omar. 1999. Pelaksanaan rukhsah dalam ibadat: satu kajian dalam perkhidmatan ketenteraan. Tesis Sarjana Syariah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Tentera Darat. 2008. *Doktrin KAGAT Semasa Perang*. Kuala Lumpur: Tentera Darat Malaysia.
- Tentera Darat. 2009. *Pengurusan Ibadat Di Medan*. Kuala Lumpur: Tentera Darat Malaysia.
- Tentera Darat. 2022. *Fiqh Askari: Panduan Ibadah Ketika Kritikal Tentera Darat*. Kuala Lumpur: Sel Agama MK TD, Cawangan Perkhidmatan Percetakan, 91 Depot Pusat Kor Ordnans Diraja.
- Yush Nawwir. 2020. Masyaqqah dan rukhsah bagi orang sakit. *Al-Tafaquh: Journal of Islamic Law*, 1(1): 9-19.
- Zulkifli Mohamad Al-Bakri. 2013. *Ibadat Ketika Operasi Tentera*. Kuala Lumpur: Jabatan Arah KAGAT ATM, Kementerian Pertahanan Malaysia (MINDEF).

KANDUNGAN / CONTENTS

Pembekuan Akaun Bank Melalui Penghakiman Hiwalah Di Mahkamah Syariah <i>Freezing of Bank Accounts through Hiwalah Judgments in Shariah Court</i>	1-11
Mohd Hazwan Ismail	
Aplikasi Maqasid Syariah dalam Ibadah Bersuci dan Solat Bagi Anggota Sniper, Angkatan Tentera Malaysia	12-18
<i>The Application of Maqasid Shariah in Ritual Purity and Prayer for Snipers in The Malaysian Armed Forces</i>	
Mohd Sukri Haji Yahya, Muhammad Nazir Alias, Muhaidi Hj. Mustaffa Al-Hafiz, Azlisham Abdul Aziz, Mohamad Muntaha Hj Saleh	
Persepsi Pelajar Muslim Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) Terhadap Faktor Pemilihan Pelaburan Dana Unit Amanah Islam (DUAI)	19-28
<i>Perceptions of Sultan Zainal Abidin University (UniSZA) Muslim Students Regarding the Investment Selection Factors of Islamic Unit Trust Fund (IUTF)</i>	
Mohd ‘Adli Zahri, Fatin ‘Alia Zahri, Nurul Ilyana Muhd Adnan	
Etika Berpakaian dalam Iklan Menurut Perspektif Islam	29-35
<i>Ethics of Dressing in Advertising from an Islamic Perspective</i>	
Nurul Najihah Binti Mohamad Shokri, Norhoneydayatie Abdul Manap	
Masjid Sebagai Alternatif Pusat Penjanaan Ekonomi Masyarakat Setempat: Satu Sorotan Literatur	36-41
<i>Mosques as an Alternative for Local Community Economic Development: A Literature Review</i>	
Mohamad Bazli Md Radzi, Salmy Edawaty Yaacob, Azlin Alisa Ahmad	
Keperluan Pembinaan Panduan Pemilihan Calon Pilihan Raya Untuk Belia	42-50
<i>The Need for Establishing Guidelines for Young Voters in the Selection of Electoral Candidates</i>	
Farrah Nuur Fatheeah Zullaile, Zuliza Mohd Kusrin, Anwar Fakhri Omar	
Pengoperasian Kontrak Tawarruq Dalam Sistem Teras Perbankan Islam di Malaysia	51-68
<i>The Implementation of the Tawarruq Contract in the Islamic Core Banking System in Malaysia</i>	
Mohd Naufal Mohd Tarmizi, Ahmad Hidayat Buang, Mohd Zaidi Daud	
Sejarah Pentadbiran Undang-Undang Zakat di Negeri Kedah 1955 - 1982: Analisis Penggubalan Undang-Undang Bertulis	69-78
<i>The History of Zakat Law Administration in Kedah 1955 - 1982: An Analysis of Written Law Legislation</i>	
Mohd Shuzaini Soib, Jasni Sulong	

حديث «لا يحل سلف وبيع» وتطبيقاته في باب الإجارة في المصارف الإسلامية

79-83

The Hadith "No Loan Coupled with a Sale is Permissible" and Its Applications in the Field of Leasing in Islamic Banks

Gamal Mohamed Ali Abdelrehim, Mohammad Zaini Yahaya, Nik Abdul Rahim Nik Abdul Ghani

Undang-Undang Adat Sembilan Puluh Sembilan Negeri Perak: Analisis Daripada Perspektif Perundangan Islam

84-93

The Ninety-Nine Customary Law of Perak: An Islamic Legal Analysis

Muhammad Nazirul Mohd Sabri, Jasni Sulong